



Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**

Tiada kompromi isu disiplin atlet

Nasib yang menimpa pemain tengah skuad bola sepak bawah 23 tahun (B-23) negara, Muhammad Nazmi Faiz Mansor wajar menjadi iktibar dan pengajaran kepada semua atlet negara dan bukannya tertumpu kepada pemain bola sepak sahaja.

Tindakan Nazmi yang meludah pemain Timor Leste pada perlawanan pertama Sukan SEA 2015 membawa padah apabila Jawatankuasa Disiplin AFC menjatuhkan hukuman gantung enam perlawanan. Walaupun Nazmi mengakui kesilapan itu dan dilihat sebagai tindakan 'spontan' yang tercetus akibat kegagalan mengawal emosi, nasi sudahpun menjadi bubur.

Hal ini kerana akibat daripada perbuatan ini, Nazmi bukan sahaja terpaksa melupakan hasrat untuk terus beraksi bersama skuad bola sepak di Sukan SEA kali ini, malah menjejaskan skuad bola sepak negara.

Justeru, rata-rata semua pihak bersetuju dengan hukuman gantung ini serta keputusan untuk menghantar pulang Nazmi dari Singapura. Apapun dalam hal ini, apa yang lebih penting ialah imej dan maruah negara secara keseluruhannya. Rata-rata semua pihak mengakui bahawa tindakan kurang bijak Nazmi ini memalukan negara.

Dalam konteks ini, atlet kebangsaan yang mewakili negara perlu sedar mereka adalah duta kecil negara. Maka setiap gerak-geri dan tindakan pastinya akan dikaitkan dengan nama dan imej negara secara keseluruhannya.

Maka isu disiplin sewajarnya menjadi fokus utama semua pihak. Kita tidak boleh berkompromi dalam soal disiplin walaupun membabitkan pemain yang hebat dan terkenal. Tiada gunanya kita memiliki kemahiran yang tinggi, tetapi tahap disiplin mengecewakan. Setiap pemain perlu sedar bahawa tanggungjawab mereka bukan hanya membawa kemenangan dalam kejohanan disertai, tetapi mereka juga bertanggungjawab menjaga, memelihara dan memartabatkan nama dan imej negara di persada antarabangsa.

Kita tidak mahu tindakan kurang bijak seperti Nazmi ini bukan saja merosakkan reputasi skuad bola sepak negara, malah menjejaskan nama dan imej ne-

gara secara keseluruhannya. Walaupun kejadian ini boleh dianggap sebagai kes terpencil di mana majoriti atlet kebangsaan termasuk pemain bola sepak memiliki taltap kesedaran dan disiplin yang cukup tinggi dan terpuji, tindakan seorang dua seperti ini tetap menjadi duri dalam daging umpama kerana nila setitik rosak susu sebelanga.

Kita berharap agar semua atlet kebangsaan sedar peranan mereka apabila menyarung jersi negara. Jangan sesekali kita membelakangkan nilai murni dan adat ketimuran yang menjadi kebanggaan kita selama ini. Masyarakat kita sememangnya terkenal sebagai berbudi bahasa dan sopan santun, maka adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk kita mempertahankankannya walau di mana jua kita berada.

Penulis juga berpandangan insiden membabitkan Nazmi ini wajar membuka mata semua persatuan sukan termasuk pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta Majlis Sukan Negara (MSN). Ambillah peluang ini untuk menilai semua program persediaan atlet kebangsaan sesuatu kejohanan terutama yang besar. Di samping kita mempergiatkan kem latihan intensif untuk memburu pingat serta menerapkan semangat dan motivasi agar terus berjuang tanpa putus asa, aspek kesedaran diri dan disiplin juga wajar dititikberatkan.

Penulis mencadangkan kursus pengurusan stres dan emosi dijadikan modul wajib dalam setiap program persiapan atlet supaya mereka diberi peluang memperbaiki kelemahan serta diajar cara menyerap tekanan, sekali gus mengawal emosi masing-masing. Kursus ini dilihat sangat signifikan kerana mampu memberi pendedahan terutamanya daripada aspek psikologi cara untuk menguruskan stres dan emosi serta kenapa seseorang itu perlu menguruskan emosi dengan bijak di samping kesan negatif jika gagal mengawal emosi.

Pendedahan awal sebelum mereka memulakan perjuangan mampu menangani isu disiplin seperti ini.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM

FAKTA

Kursus pengurusan stres dan emosi perlu jadi modul wajib dalam setiap program persiapan atlet